



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

MAJLIS PERPISAHAN PENDAFTAR DAN BENDAHARI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



PADA
11 JAMADILAKHIR 1430H /
5 JUN 2009 (JUMAAT)

BERTEMPAT DI
BILIK GALERI, BANGUNAN CANSELORI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

*Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Intai kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan*

***Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik di kenang juga***



Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman telah memulakan perkhidmatan di UKM sebelum menyertai KUIM sebagai Pendaftar pada 1 Januari 2000. Beliau merupakan antara tokoh awal yang terlibat dalam merealisasikan penubuhan KUIM yang kini dikenali sebagai USIM.

Dalam tempoh hampir 10 tahun berkhidmat bersama USIM begitu banyak sumbangan yang telah diberikan beliau terutama dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran hingga berjaya meletakkan USIM berada di tahap yang amat dibanggakan seperti sekarang ini.

Puan Hajjah Rohani Binti Abu telah memulakan perkhidmatan di KUIM sebagai Bendahari pada 1 Januari 2000. Beliau telah memulakan berkhidmat di UKM dan merupakan antara tokoh awal yang terlibat dalam menjadikan penubuhan KUIM dan kini dikenali sebagai USIM.

Dalam tempoh hampir 10 tahun berkhidmat bersama USIM begitu banyak jasa dan khidmat bakti telah diberikan beliau kepada USIM terutama dalam hal ehwal pengurusan kewangan sehingga berjaya meletakkan USIM setanding dengan mana-mana Universiti lain di Malaysia ini.



***Limau manis dimakan manis
Manis sekali rasa isinya
Dilihat manis dipandang manis
Manis sekali hati budinya***



ATURCARA MAJLIS

- 10.45 Pagi : Ketibaan Jemputan
: Ketibaan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor USIM
- 11.00 Pagi : Majlis Dimulakan Dengan Bacaan Doa
Encik Mahiz Spawi, Penolong Pendaftar
Jabatan Pendaftar
- 11.10 Pagi : Tayangan Video Penghargaan Khas
Untuk Pendaftar & Bendahari
- 11.15 Pagi : Ucapan Penghargaan Daripada
Oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Naib Canselor USIM
- 11.30 Pagi : Ucapan Penghargaan Daripada Wakil Kakitangan
Y. Bhg. Prof. Dr. Jalani Sukaimi
Dekan Fakulti Sains Dan Teknologi
- 11.45 Pagi : Ucapan Balas Penghargaan
Daripada Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman
Pendaftar USIM
- 11.55 Pagi : Ucapan Balas Penghargaan
Daripada Puan Hajjah Rohani Abu
Bendahari USIM
- 12.05 Tgh : Penyampaian Cenderamata Universiti
: Penyampaian Bunga dan Kad Ucapan Warga Universiti
- 12.20 Tgh : Jamuan Makan
- 12.45 Tgh : Majlis Bersurai

“Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman”. (Q.S. Ali Imran: 139)

SELURUH WARGA

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)
MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN
& UCAPAN TERIMA KASIH ATAS
SUMBANGAN DAN JASA BAKTI
TUAN PENDAFTAR DAN PUAN BENDAHARI
SEPANJANG KHIDMAT BERSAMA UNIVERSITI SAINS
ISLAM MALAYSIA (USIM).**

**KAMI MENDOAKAN SEMOGA ALLAH S.W.T AKAN
SENTIASA MERAHMATI DAN MENGURNIAKAN
KEBAHAGIAN DALAM KEHIDUPAN TUAN/PUAN
SEKELUARGA... AMIN.**

PENGHARGAAN

- JABATAN CANSELORI
- JABATAN PENDAFTAR
- JABATAN BENDAHARI
- PUSAT PERKEMBANGAN STRATEGIK & HUBUNGAN KORPORAT
- PUSAT PENGURUSAN ILMU DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- UNIT PEMBANGUNAN
- PARA JEMPUTAN YANG SUDI HADIR
- SETERUSNYA...

**KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT SECARA
LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG
MENJAYAKAN MAJLIS INI...**

TERIMA KASIH